

H0272101 WA1325163104 27/03/2025 08:43:09
WA-21NCvC-22-03/2025
TSP129.....16.00 x 1
Tanjung RM*****16.00

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

GUAMAN SIVIL NO.:

ANTARA

1. HYDROSHOPPE SDN BHD
[No. Pendaftaran: 200801005176 (806460-W)]
2. MENARA KUALA LUMPUR SDN BHD
[No. Pendaftaran: 198901011231 (188533-A)]

... PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. MENTERI, KEMENTERIAN KOMUNIKASI (sebelum ini dikenali sebagai KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN), YB DATUK AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
2. KERAJAAN MALAYSIA
3. LSH SERVICE MASTER SDN BHD
[No. Pendaftaran: 202401025891 (1571740-A)]
4. LSH BEST BUILDERS SDN BHD
[No. Pendaftaran: 200101028501 (564259-P)]
5. SERVICE MASTER (M) SDN BHD
[No. Pendaftaran: 198901002498 (179804-M)]

... DEFENDAN-DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN

A. Plaintif-Plaintif

1. Plaintiff Pertama, Hydroshoppe Sdn Bhd ("**Hydroshoppe**"), adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia pada 15.2.2008 dengan alamat berdaftar di No. 40-1A & 1B, Tingkat 1, Blok 8, Jalan Pahat H 15/H, Kompleks Otomobil, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor dan alamat perniagaan di No. 2 Jalan Punchak, Off Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.



S/N ts1m20Dmk2vEq7oFDe63g

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

2. Plaintiff Ke-2, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd ("**MKLSB**") adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia pada 25.10.1989 dengan alamat berdaftar di No. 40-1A & 1B, Tingkat 1, Blok 8, Jalan Pahat H 15/H, Kompleks Otomobil, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor dan alamat perniagaan di No. 2 Jalan Punchak, Off Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

2.1. MKLSB merupakan anak syarikat milik penuh Telekom Malaysia Berhad ("**TM**") sejak penubuhannya sehingga 31.10.2022. Ia digunakan sebagai kenderaan TM bertujuan khas dan semata-mata untuk pengurusan dan operasi Menara Kuala Lumpur ("**Menara KL**").

2.2. MKLSB kini dimiliki sepenuhnya oleh Hydroshoppe.

B. Defendan-Defendan

3. Defendan Pertama, YB Datuk Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil, dinamakan dalam kapasiti rasminya sebagai Menteri Kementerian Komunikasi ("**KKM**") bagi Kerajaan Malaysia dengan alamat di Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya. KKM merupakan wakil Kerajaan Malaysia dalam semua perkara yang berkaitan dengan Menara KL.
4. Defendan Ke-2 ialah Kerajaan Malaysia ("**Kerajaan**"). Pada setiap masa material, Menara KL dimiliki oleh Kerajaan.
5. Defendan Ke-3, LSH Service Master Sdn Bhd ("**LSH (JV)**"), adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia pada 28.6.2024 dengan alamat berdaftar di Tingkat 12, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor dan alamat perniagaan di Wisma Lim Seong Hai, 33 Jalan Kerajaanbak, 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.



- 5.1. LSH (JV) merupakan kenderaan usaha sama antara Defendan Ke-4 ("**LSH**") dan Defendan Ke-5 ("**SM**").
- 5.2. LSH memegang 70% saham dalam LSH (JV), manakala SM memegang 30%.
6. Defendan Ke-4, LSH BEST Builders Sdn Bhd ("**LSH**"), adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia pada 12.11.2001 dengan alamat berdaftar di #43A, Cangkat Bukit Bintang, 50200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan alamat perniagaan di Wisma Lim Seong Hai, 33 Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. LSH menjalankan bidang perniagaan penyediaan pembinaan dan perkhidmatan dan penyelesaian berkaitan perniagaan dan pembinaan.
7. Defendan Ke-5, Service Master (M) Sdn Bhd ("**SM**"), adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia pada 16.3.1989 dengan alamat berdaftar di 27-1, Jalan Kolam Air 2, Nongchick Riverside, 80100 Johor Bahru, Johor dan alamat perniagaan di No. 42, Jalan 13/14, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. SM menjalankan perniagaan pembinaan bangunan, jualan borong dan runcit kenderaan bermotor terpakai, serta penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor.

C. Perjanjian Konsesi Pertama & Ke-2 Ke Atas Menara KL

8. Menara KL terletak di atas enam lot tanah di mana lima lot dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan satu lot dipegang oleh TM (secara kolektif dirujuk sebagai "**Tanah Menara**").
9. Menara KL ialah menara telekomunikasi yang direka, dibina dan disiapkan oleh MKLSB atas kos dan perbelanjaannya sendiri menurut Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dan MKLSB bertarikh 3.9.1991 ("**Perjanjian Konsesi Pertama**"). Di bawah Perjanjian Konsesi Pertama, Kerajaan telah



memberikan konsesi kepada MKLSB selama 15 tahun sebagai balasan (*consideration*).

10. Selepas pembinaannya selesai, Menara KL dibuka kepada orang ramai pada 23.7.1996 dan telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Ke-4, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1.10.1996. Sejak itu, Menara KL menjadi kepentingan dalam identiti nasional Malaysia. Ia merupakan salah satu projek paling berwawasan yang pernah dilaksanakan di Malaysia, berfungsi bukan sahaja sebagai model inovasi tetapi juga sebagai pusat pelancongan dan hospitaliti yang menarik pelancong dari seluruh dunia. Sebagai salah satu menara telekomunikasi tertinggi di dunia, Menara KL dianggap sebagai mercu tanda dan simbol Malaysia yang penting di samping Menara Berkembar Petronas.
11. Menurut Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dan MKLSB bertarikh 14.3.2011, Kerajaan memperbaharui konsesi MKLSB untuk operasi, pengurusan dan penyelenggaraan Menara KL kepada MKLSB untuk tempoh 10 tahun bermula dari 1.6.2009 sehingga 31.5.2019 ("**Perjanjian Konsesi Ke-2**"). Perjanjian Konsesi Ke-2 memperuntukkan, antara lain:
 - 11.1. MKLSB akan dimiliki sepenuhnya oleh TM, dan tidak boleh ada perubahan dalam hal ini melainkan **(a)** 2 tahun telah berlalu dan **(b)** Kerajaan telah memberikan kelulusan bertulis terlebih dahulu melalui Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri ("**UKAS**") ("**Sekatan Struktur Pegangan Saham**").
 - 11.2. Plaintiff-plaintiff memplidkan bahawa Sekatan Struktur Pegangan Saham telah dilaksanakan untuk mencerminkan kedudukan sebenar, iaitu, **(a)** pihak-pihak Perjanjian Konsesi Pertama dan Ke-2 adalah, pada dasarnya, TM dan Kerajaan, dan **(b)** MKLSB hanyalah merupakan kenderaan tujuan khas (*special purpose vehicle*).



- 11.3. Sebagai balasan terhadap perjanjian TM dan/atau MKLSB untuk mengoperasi, mengurus dan menyelenggara Menara KL dan Tanah Menara KL, Kerajaan akan membayar fi kepada MKLSB yang ditetapkan setiap tahun ("**Fi Penyelenggaraan**").
12. Plaintiff-Plaintiff akan merujuk kepada Perjanjian Konsesi Pertama dan Ke-2 semasa bicara untuk terma dan kesan penuhnya jika perlu.

D. Kelulusan Prinsip Kerajaan untuk Memperbaharui Konsesi TM dan/atau MKLSB

13. Kerana tarikh luput Perjanjian Konsesi Ke-2, 31.5.2019, semakin hampir:
- 13.1. TM dan/atau MKLSB, sejak April 2018, telah memohon kepada KKM, UKAS, Pejabat Perdana Menteri ("**PMO**"), dan/atau Kerajaan untuk memperbaharui konsesinya ke atas Menara KL selama 30 tahun ("**Permohonan Pembaharuan**"); dan
- 13.2. Hydroshoppe, sejak 27.11.2018, telah memaklumkan kepada UKAS, KKM, Kerajaan dan/atau TM tentang hasratnya dan/atau membuat tawaran untuk mengambil alih konsesi tersebut, termasuk dengan mengambil alih semua saham MKLSB yang dipegang oleh TM.
14. Melalui Perjanjian Interim yang disetem pada 26.11.2019 antara Kerajaan serta TM dan/atau MKLSB, Perjanjian Konsesi Ke-2 telah dilanjutkan dari 1.6.2019 sehingga 31.5.2020 ("**Perjanjian Interim**"). Perjanjian Interim adalah sebahagian penting Perjanjian Konsesi Ke-2. Walau bagaimanapun, Perjanjian Interim telah menggantung hak TM dan/atau MKLSB untuk menerima Fi Penyelenggaraan daripada Kerajaan.



15. Pada 8.5.2019, Kerajaan telah memberikan kelulusan prinsip berhubung dengan Permohonan Pembaharuan TM dan/atau MKLSB ("**Kelulusan Prinsip 2019**").
16. Seterusnya, Kerajaan dan TM dan/atau MKLSB bersetuju untuk melanjutkan Perjanjian Interim melalui berikut:
 - 16.1. Perjanjian Tambahan bertarikh 2.7.2020 yang melanjutkan Perjanjian Interim dari 1.6.2020 sehingga 31.5.2021 ("**Perjanjian Tambahan Pertama**"); dan
 - 16.2. Perjanjian Tambahan bertarikh 1.6.2021 yang melanjutkan Perjanjian Interim dari 1.6.2021 sehingga 31.12.2021 ("**Perjanjian Tambahan Ke-2**").

E. Penarikan Balik Permohonan Pembaharuan oleh TM dan/atau MKLSB

17. Melalui surat-surat bertarikh 25.10.2021 dan 1.11.2021, TM dan/atau MKLSB memaklumkan UKAS, KKM dan/atau Kerajaan tentang keputusannya untuk menarik balik Permohonan Pembaharuan ("**Keputusan Penarikan Balik**"). Antara sebab utama Keputusan Penarikan Balik termasuklah, antara lain:
 - 17.1. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan pengurangan bilangan pelawat sejak 2020, dan pasaran pelancongan yang tidak stabil dan ancaman persaingan mulai 2025 yang menimbulkan risiko untuk meneruskan konsesi; dan
 - 17.2. Ketidakuntungan (*unprofitability*) konsesi ke atas Menara KL.

Malah, pada tahun kewangan berakhir (FYE) pada 31.12.2021, TM dan/atau MKLSB beroperasi dengan kerugian kira-kira RM47.8 juta.



18. Plaintiff-plaintiff memplidkan bahawa KKM dan/atau Kerajaan akan mengalami prejudis sekiranya syarikat konsesi alternatif tidak dapat ditentukan untuk menggantikan TM dan/atau MKLSB atas pelbagai sebab, antara lain:
- 18.1. Sejak siap dibina, Menara KL sentiasa dioperasikan dan diuruskan oleh TM dan/atau MKLSB. Dalam erti kata lain, KKM dan/atau Kerajaan tidak mempunyai pengalaman dalam mengoperasi dan mengurus Menara KL.
- 18.2. KKM dan/atau Kerajaan perlu menanggung tanggungjawab serta beban kewangan untuk mengoperasi dan mengurus Menara KL sendiri, serta menanggung kesan kewangan negatif yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, pasaran pelancongan yang tidak stabil dan ancaman persaingan.
- 18.3. Jika Menara KL tidak dioperasikan dan diuruskan dengan baik, ia boleh berisiko memalukan negara, memandangkan statusnya sebagai simbol negara, dan ini boleh menjejaskan reputasi global Malaysia, berpotensi menjejaskan pelancongan atau keyakinan pelabur.
19. Pada 13.11.2021, dalam satu mesyuarat antara TM dan KKM dan/atau Kerajaan, TM bersetuju untuk meneruskan pengoperasian Menara KL sehingga KKM dan/atau Kerajaan melantik syarikat konsesi pengurusan baharu supaya operasi sedia ada tidak terjejas.
20. Selanjutnya, UKAS, KKM dan/atau Kerajaan mencadangkan bahawa objektif TM untuk menarik diri daripada konsesi itu boleh dicapai tanpa MKLSB melakukan perkara tersebut jua – TM hanya perlu menjual semua sahamnya dalam MKLSB kepada pihak ketiga. TM bersetuju, dan dengan itu, MKLSB kekal sebagai kenderaan (*vehicle*) untuk tujuan konsesi ke atas Menara KL.



21. Plaintif-plaintif akan mengemukakan surat-menyurat yang berkaitan semasa bicara sebagai bukti perkara di atas.

F. Perjanjian 2022 Dengan Hydroshoppe & Pelaksanaan

22. Pada November 2021, UKAS, KKM dan/atau Kerajaan telah menjemput tiga syarikat untuk mengemukakan cadangan bagi mengambil alih konsesi tersebut. Untuk penjelasan, Hydroshoppe tidak termasuk dalam tiga syarikat ini. Tiada keputusan dibuat untuk melantik mana-mana syarikat tersebut.
23. Pada Februari 2022, UKAS, KKM dan/atau Kerajaan Malaysia telah menjemput sebanyak lima syarikat untuk mengemukakan cadangan bagi mengambil alih konsesi, dan Hydroshoppe adalah salah satu daripadanya. Dua daripada syarikat tersebut kemudiannya menarik diri.
24. Beberapa mesyuarat telah diadakan dan terdapat surat-menyurat antara syarikat-syarikat ini dan UKAS, KKM dan/atau Kerajaan bagi membantu UKAS, KKM dan/atau Kerajaan untuk menilai kesesuaian syarikat-syarikat tersebut.
25. Pada Julai 2022, selepas penilaian holistik terhadap 3 syarikat tersebut, KKM dan/atau Kerajaan memutuskan untuk melantik Hydroshoppe untuk mengambil alih konsesi bagi menguruskan Menara KL dengan mengambil alih semua saham MKLSB.
26. Beberapa mesyuarat lanjut telah diadakan dan surat-menyurat telah dipertukarkan. Namun, yang penting adalah seperti berikut.
27. Pada 1.8.2022, satu mesyuarat telah diadakan dan dihadiri oleh wakil UKAS, TM, MKLSB dan Hydroshoppe. Semasa mesyuarat itu, persetujuan telah dicapai seperti berikut:
- 27.1. Permohonan Hydroshoppe untuk mengambil alih semua saham MKLSB telah dimuktamadkan tertakluk kepada kelulusan Perdana



Menteri (yang diberikan oleh Perdana Menteri pada 20.10.2022). Ini tertakluk kepada syarat terdahulu (*condition precedent*) bahawa Hydroshoppe dan TM harus mencapai persetujuan mengenai balasan pembelian (*purchase consideration*).

- 27.2. Hydroshoppe bersetuju untuk meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan **(a)** berdasarkan skop yang ditakrifkan dalam laporan Makmal Pengurusan Nilai yang ditandatangani oleh KKM dan MKLSB pada 22.3.2021, dan **(b)** yang telah dimulakan sejak MKLSB masih dimiliki sepenuhnya oleh TM ("**Kerja-Kerja VM Lab**").
- 27.3. Hydroshoppe bersetuju untuk mengoperasikan dan menguruskan Menara KL secara interim selepas TM menarik diri daripada konsesi, bermula dari 1.1.2023 hingga 31.12.2024.
- 27.4. Sebagai balasan bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam [27.1] dan [27.27.3] di atas, UKAS, KKM dan/atau Kerajaan bersetuju untuk memberikan konsesi ke atas Menara KL kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB selama 15 tahun bermula 31.12.2024.
- Semasa mesyuarat pada 9.11.2022, UKAS, KKM dan/atau Kerajaan, Hydroshoppe dan/atau MLKSB bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi daripada 15 tahun kepada 30 tahun ("**Tempoh Konsesi**").
- 27.5. Selanjutnya, UKAS, KKM dan/atau Kerajaan hendaklah mendapatkan perjanjian atau pajakan berkenaan dengan Tanah Menara mengikut keperluan.

("Perjanjian 2022").



S/N ts1m20Dmk2vEq7oFDe63g

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

28. Menurut Perjanjian 2022, khususnya aspek yang dinyatakan dalam [27.1] di atas, pelbagai perbincangan telah diadakan melalui mesyuarat dan surat-menyurat. Hydroshoppe sentiasa mengemas kini UKAS, KKM dan/atau Kerajaan mengenai hasil material perbincangan ini. Perbincangan ini membawa kepada Perjanjian Pembelian Saham bertarikh 31.10.2022 antara TM dan Hydroshoppe ("**Perjanjian Saham**"). Terma penting dalam Perjanjian Saham adalah, antara lain:
- 28.1. Hydroshoppe akan membeli semua saham MKLSB yang dipegang oleh TM dengan balasan pembelian sebanyak RM3,723,185.00, yang mana RM595,000.00 akan dibayar secara tunai ("**Komponen Tunai**").
- 28.2. Hydroshoppe akan mengekalkan semua pekerja MKLSB selama sekurang-kurangnya 3 tahun.
- 28.3. Hydroshoppe akan menanggung semua kewajipan dan liabiliti MKLSB termasuklah, antara lain:
- 28.3.1. Setakat 31.12.2021, MKLSB mempunyai jumlah liabiliti bersih kira-kira RM12 juta;
- 28.3.2. Bagi tahun kewangan berakhir pada 31.12.2021, MKLSB telah mengalami kerugian keseluruhan melebihi RM47 juta;
- 28.3.3. MKLSB juga mempunyai liabiliti luar jangka (*contingent liability*) berjumlah kira-kira RM314 juta sementara menunggu taksiran dalam prosiding timbang tara.
29. Menurut Perjanjian Saham, cek bank no.054345 bertarikh 27.10.2022 telah dikeluarkan bagi pihak Hydroshoppe kepada TM sebagai pembayaran untuk Komponen Tunai.



30. Menurut Perjanjian 2022, khususnya aspek yang digariskan dalam [27.2] di atas, Hydroshoppe dan/atau MKLSB telah menanggung perbelanjaan sebanyak RM17,435,211.72 bagi beberapa kerja VM Lab yang telah disiapkan sehingga 31.12.2024 ("**Perbelanjaan VM Lab**").
31. Untuk penjelasan, Hydroshoppe bersetuju untuk mengambil alih tugas tersebut sebelum 31.12.2024 lagi, seperti yang diplidkan dalam [27.3], kerana KKM dan/atau Kerajaan Malaysia memerlukan Hydroshoppe untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh penarikan diri TM daripada konsesi. Pihak-pihak juga boleh menggunakan tempoh ini sebagai ruang penyesuaian (*buffer*) untuk mengenal pasti kerja-kerja persediaan yang diperlukan bagi memastikan Menara KL diuruskan dengan baik sepanjang Tempoh Konsesi.
32. Semasa mesyuarat pada 9.11.2022, Perjanjian 2022 telah disahkan semula. Dalam mesyuarat inilah Tempoh Konsesi dilanjutkan dari 15 tahun sehingga 30 tahun. Pada peringkat itu, Hydroshoppe dan/atau MKLSB telah pun mengambil alih pengurusan dan operasi Menara KL, walaupun Perjanjian Tambahan Ke-2 telah tamat pada 31.12.2021, berdasarkan Perjanjian 2022 (sila lihat [27.3] di atas). Sebagai formaliti, Hydroshoppe dan/atau MKLSB bersama KKM dan/atau Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perjanjian Tambahan yang dibelakangkan tarikhnya kepada 1.1.2022 mengenai pengurusan dan operasi Menara KL oleh Hydroshoppe dan/atau MKLSB dari 1.1.2022 sehingga 31.12.2022 ("**Perjanjian Tambahan Ke-3**").
33. Sebagai formaliti, pihak-pihak akan melaksanakan dokumen perjanjian mengenai pemberian konsesi KKM dan/atau Kerajaan kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB selama 30 tahun ("**Dokumen Perjanjian**"). Inilah sebabnya mengapa UKAS, KMM dan/atau Kerajaan menghantar e-mel mengandungi draf perjanjian konsesi kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB sehari kemudian. Pihak-pihak dijangka melaksanakan Dokumen Perjanjian menjelang 31.12.2024.



G. Pilihan Raya Umum Ke-15

34. Pada November 2022, Malaysia telah mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 yang membawa kepada pertukaran kerajaan.
35. Hydroshoppe dan/atau MKLSB terus mengurus dan mengoperasikan Menara KL selepas 31.12.2022. Hydroshoppe dan/atau MKLSB telah menghantar kemas kini secara berkala kepada KKM dan/atau Kerajaan.

H. Pelanggaran Perjanjian 2022

36. Pada Januari 2024, Kerajaan dan/atau KKM mengumumkan bahawa konsesi Menara KL akan diberikan melalui proses *Request for Proposal* ("RFP"), dan menjemput syarikat untuk mengemukakan bidaan untuk tender tersebut.
37. Ini merupakan satu pelanggaran terhadap Perjanjian 2022. Tambahan atau sebagai alternatif, Plaintif-Plaintif memplidkan bahawa pelanggaran ini dilakukan dengan pengetahuan dan/atau dengan sengaja.

BUTIR-BUTIR

- 37.1. [27.4] di atas diulangi. Berdasarkan Perjanjian 2022, Hydroshoppe dan/atau MKLSB berhak mendapat konsesi ke atas Menara KL selama 30 tahun.
- 37.2. Tindakan KKM dan/atau Kerajaan ditetapkan dalam [36] di atas adalah pelanggaran yang jelas terhadap hak Hydroshoppe dan/atau MKLSB yang disebutkan di atas.
- 37.3. Selanjutnya atau sebagai alternatif, melalui tindakan KKM dan/atau Kerajaan yang dinyatakan dalam [36] di atas, KKM dan/atau



Kerajaan telah bertindak seolah-olah **(a)** mereka tidak terikat dengan Perjanjian 2022 dan/atau **(b)** Perjanjian 2022 tidak wujud.

38. Hydroshoppe dan/atau MKLSB menolak kelakuan KKM dan/atau Kerajaan seolah-olah Perjanjian 2022 tidak wujud dan/atau tidak mengikat. Hydroshoppe dan MKLSB bersedia dan berhasrat bersedia untuk meneruskan prestasi Perjanjian 2022.

I. Mengelakkan Gangguan Kepada Menara KL

39. Kerajaan dan/atau KKM telah meminta Hydroshoppe dan/atau MKLSB untuk bekerjasama dan memudahkan proses RFP, yang dilakukan oleh Hydroshoppe dan/atau MKLSB secara muhibah (*goodwill*) dan tanpa prejudis sementara perbincangan penyelesaian dijalankan. Ini adalah **(a)** untuk memastikan tiada gangguan / gangguan minimum kepada Menara KL dan **(b)** untuk mengelakkan publisiti negatif – yang akan menjejaskan reputasi global Malaysia memandangkan status Menara KL sebagaimana dinyatakan dalam [10] di atas ("**Objektif**").
40. Kerajaan dan/atau KKM juga telah menjemput Hydroshoppe dan/atau MKLSB untuk menyertai RFP, yang mana Hydroshoppe dan/atau MKLSB telah melakukannya secara muhibah (*goodwill*) dan tanpa prejudis sementara menunggu perbincangan penyelesaian **(a)** untuk mencapai Objektif dan **(b)** dalam usaha untuk memelihara, sebanyak mungkin, hak Hydroshoppe dan/atau MKLSB terhadap konsesi Menara KL.
41. Sementara menunggu penyelesaian pelaksanaan RFP dan permulaan perbincangan penyelesaian, Hydroshoppe dan/atau MKLSB bersetuju dengan Perjanjian Tambahan Ke-4 untuk melanjutkan Perjanjian Interim dari 1.1.2023 sehingga 30.6.2024 secara muhibah (*goodwill*) dan tanpa prejudis untuk mencapai Objektif.



J. Award kepada LSH (JV) Milik LSH & SM

42. Pada Mei 2024, selepas penutupan RFP, Kerajaan dan/atau KKM mengawardkan Konsesi kepada syarikat usaha sama LSH dan SM (iaitu LSH (JV)) ("Award").

J1. Pelanggaran Lanjut Perjanjian 2022

43. Ini merupakan pelanggaran lanjut terhadap Perjanjian 2022. Plaintiff-Plaintiff mengulangi Seksyen H di atas mutatis mutandis.

J2. Dorongan (*Inducement*) Pelanggaran Perjanjian 2022

44. Selanjutnya atau sebagai alternatif, LSH, SM dan/atau LSH (JV) telah melakukan tort mendorong (*inducing*) dan/atau memperolehi (*procuring*) pelanggaran Perjanjian 2022 oleh KKM dan/atau Kerajaan. Butiran terbaik pada peringkat ini adalah seperti berikut.

BUTIR-BUTIR

- 44.1. Pada setiap masa material, LSH, SM dan/atau LSH (JV) mengetahui, sepatutnya mengetahui dan/atau sengaja tidak mengendahkan tentang Perjanjian 2022 dan/atau fakta bahawa Hydroshoppe dan/atau MKLSB adalah pemegang konsesi Menara KL. Sebagai tambahan atau secara alternatif, hakikat bahawa Hydroshoppe dan/atau MKLSB merupakan pemegang konsesi ke atas Menara KL adalah pengetahuan umum pada masa material.
- 44.2. Dengan mengemukakan bidaan, menyertai proses RFP, memperolehi dan/atau menerima Award, LSH, SM dan/atau LSH (JV) telah, dengan niat, memperolehi (*procured*), mendorong (*induced*) dan/atau menyebabkan KKM dan/atau Kerajaan melanggar Perjanjian 2022.



- 44.3. Walaupun begitu, LSH (JV), LSH dan SM telah, dengan niat, mengganggu pelaksanaan Perjanjian 2022 oleh Kerajaan dan/atau KKM dengan mendorong (*inducing*) dan/atau memperoleh (*procuring*) Kerajaan dan/atau KKM untuk mengawarkan perjanjian konsesi baharu kepada LSH (JV) semasa Perjanjian 2022 masih ketertangguhan, yang membawa kepada pelanggaran Perjanjian 2022 oleh Kerajaan dan/atau KKM.
- 44.4. Plaintiff-plaintiff berhak untuk meminda butiran dan/atau memberikan butiran lanjut selepas penzahiran (*discovery*) dan/atau interogatori.

J3. Pelanggaran Tugas Fidusiari dan/atau Amanah

45. Selanjutnya atau sebagai alternatif, berdasarkan Perjanjian 2022, setakat KKM dan/atau Kerajaan mengekalkan konsesi ke atas Menara KL (hak dalam tindakan) ("**Chose in Action**"), KKM dan/atau Kerajaan berbuat demikian berdasarkan amanah (*trust*) dan/atau sebagai fidusiari untuk manfaat Hydroshoppe dan/atau MKLSB.
46. Oleh itu, Award yang bertujuan untuk memberikan Chose in Action tersebut kepada LSH, SM dan/atau LSH (JV) merupakan pelanggaran **(a)** amanah dan/atau **(b)** kewajipan fidusiari KKM dan/atau Kerajaan.

J4. Penerimaan Mengetahui (*Knowing Receipt*) dan/atau Bantuan Tidak Jujur (*Dishonest Assistance*)

47. Selanjutnya atau sebagai alternatif, LSH, SM dan/atau LSH (JV) telah melakukan **(a)** penerimaan mengetahui (*knowing receipt*) dengan menerima Award dan Chose in Action, dan/atau **(b)** bantuan tidak jujur (*dishonest assistance*) dalam pelanggaran amanah (*trust*) dan/atau tugas fidusiari seperti yang diplidkan dalam [46] di atas.

BUTIR-BUTIR

- 47.1. Butir-butir di Bahagian J2 diulangi mutatis mutandis.



- 47.2. LSH, SM dan/atau LSH (JV) mengetahui, sepatutnya mengetahui dan/atau sengaja tidak mengendahkan kewujudan amanah (*trust*) dan/atau tugas fidusiari yang terikat kepada Chose in Action tersebut.
- 47.3. LSH, SM dan/ atau LSH (JV) mengetahui, sepatutnya mengetahui dan/atau sengaja tidak mengendahkan pelanggaran amanah (*trust*) dan/atau tugas fidusiari seperti yang dinyatakan dalam [46] di atas.
- 47.4. Berdasarkan pengetahuan dan/atau tindakan mereka seperti dinyatakan di atas, penerimaan Award oleh LSH, SM dan/ atau LSH (JV) adalah bertentangan dengan standard kelakuan jujur yang lazim.
48. Berdasarkan perkara di atas, sejauh mana Chose in Action tersebut telah diterima oleh LSH, SM dan/ atau LSH (JV) – mereka berbuat demikian sebagai pemegang amanah konstruktif (*constructive trust*) untuk manfaat Hydroshoppe dan/atau MKLSB.

K. Langkah Interim Sementara Menunggu Penyelesaian

49. Selepas Award, Hydroshoppe dan/atau MKLSB menyatakan bahawa mereka akan menghormati Award tersebut dengan syarat bahwa penyelesaian dapat dicapai sebelum LSH, SM dan/atau LSH (JV) mengambil alih konsesi berdasarkan Award.
50. Sebagai langkah interim sementara menunggu penyelesaian, Hydroshoppe dan/atau MKLSB bersetuju dengan Perjanjian Tambahan Ke-5 bertarikh 1.7.2024 untuk melanjutkan Perjanjian Interim dari 1.7.2024 hingga



31.3.2025 atas dasar muhibah (*goodwill*) dan tanpa prejudis untuk mencapai Objektif.

50.1. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, Perjanjian Tambahan Ke-5 adalah untuk manfaat KKM dan/atau Kerajaan atas pelbagai sebab, antaranya:

50.1.1. Ia memastikan Objektif dicapai.

50.1.2. Ia mengelakkan KKM dan/atau Kerajaan daripada prejudis seperti yang dihidkan dalam [18] di atas.

50.2. Sebagai balasan, KKM dan/atau Kerajaan bersetuju dan/atau mengakui (*acquiesced*) untuk membayar Hydroshoppe dan/atau MKLSB sejumlah RM500,000.00 sebulan sepanjang tempoh sah Perjanjian Tambahan Ke-5, berjumlah RM4.5 juta ("**Fi Interim**").

Dalam hal ini, Plaintiff-Plaintiff akan mengemukakan keterangan berkaitan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan serta surat-menyurat yang dipertukar antara Jun 2024 hingga Mac 2025 sebagai bukti.

51. Melalui suratnya kepada KKM dan/atau Kerajaan bertarikh 17.2.2025, Hydroshoppe dan/atau MKLSB telah mengemukakan inbois menuntut pembayaran Fi Interim. Walau bagaimanapun, KKM dan/atau Kerajaan telah enggan, gagal dan/atau cuai membayar Fi Interim tersebut.

L. Kerugian & Kerosakan

52. Lanjutan atau alternatif kepada pendirian Plaintiff-Plaintiff bahawa Perjanjian 2022 masih sah, berterusan, berkuat kuasa, dan boleh dilaksanakan, Hydroshoppe dan/atau MKLSB telah mengalami kerugian dan kerosakan akibat daripada (a) pelanggaran Perjanjian 2022, (b) pelanggaran amanah (*breach of trust*) dan/atau tugas fidusiari berhubung dengan Chose in Action,



(c) dorongan (*inducing*) kepada dan/atau perolehan (*procuring*) pelanggaran Perjanjian 2022, dan/atau (d) penerimaan mengetahui (*knowing receipt*) dan/atau bantuan tidak jujur (*dishonest assistance*) berkaitan dengan Chose in Action seperti berikut.

52.1. Kehilangan manfaat daripada Perbelanjaan Makmal VM berjumlah RM17,435,211.72.

Selanjutnya atau secara alternatif, Plaintiff-Plaintif akan bergantung kepada prinsip pengayaan tidak wajar (*unjust enrichment*).

52.2. Liabiliti berjumlah RM2,690,120.67 berhubung dengan pemberhentian pekerja MKLSB.

52.3. Kerugian jangkaan lain yang akan dinilai, antaranya kehilangan peluang dan/atau peluang perniagaan untuk menikmati manfaat kontrak dan komersial daripada konsesi ke atas Menara KL selama 30 tahun berdasarkan Perjanjian 2022.

Tertakluk kepada taksiran, berdasarkan pengetahuan dan anggaran terbaik Plaintiff-Plaintif, jumlah kerugian jangkaan tersebut melebihi RM1 bilion.

53. Selain itu, Hydroshoppe dan/atau MKLSB juga telah mengalami kerugian dan kerosakan berjumlah RM4.5 juta akibat kegagalan KKM dan/atau Kerajaan membayar Fi Interim.

M. Perizaban Hak

54. Pernyataan Tuntutan ini difailkan tanpa prejudis terhadap hak Plaintiff-Plaintif untuk memfailkan sebarang permohonan interlokutori yang perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mengendalikan interogatori (*administer interrogatories*) dan/atau memohon penzahiran (*seek discovery*) dan/atau meminda, menambah kepada, dan menyokong Pernyataan Tuntutan ini



dengan perintah Mahkamah Yang Mulia ini yang membenarkan penzahiran (*discovery*) dan/atau jawapan terhadap interogatori yang disampaikan.

N. Pohonan

55. **OLEH YANG DEMIKIAN**, Plaintiff-Plaintif memohon relif-relif berikut:

N1. Relif Deklarasi

- 55.1. Satu deklarasi bahawa Perjanjian 2022 adalah sah dan mengikat terhadap Kerajaan dan KKM; dan/atau
- 55.2. Satu deklarasi bahawa Hydroshoppe dan/atau MKLSB berhak terhadap Kerajaan dan KKM ke atas konsesi Menara KL selama 30 tahun bermula dari 31.12.2024; dan/atau
- 55.3. Satu deklarasi bahawa Kerajaan dan/atau KKM telah melanggar Perjanjian 2022; dan/atau
- 55.4. Satu deklarasi bahawa KKM dan/atau Kerajaan telah melakukan pelanggaran amanah dan/atau kewajipan fidusiari; dan/atau
- 55.5. Satu deklarasi bahawa LSH, SM dan/atau LSH (JV) telah melakukan perbuatan dorongan (*inducement*) terhadap pelanggaran Perjanjian 2022; dan/atau
- 55.6. Satu deklarasi bahawa LSH, SM dan/atau LSH (JV) telah melakukan penerimaan mengetahui (*knowing receipt*) dan/atau bantuan tidak jujur (*dishonest assistance*); dan/atau
- 55.7. Satu deklarasi bahawa Award tersebut adalah batal (*void*), tidak sah di sisi undang-undang (*unlawful*) dan/atau tidak sah (*invalid*); dan/atau



N2. Perintah

- 55.8. Suatu perintah bahawa Chose of Action tersebut dipindahkan kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB; dan/atau

N3. Ganti Rugi Sebagai Gantian (*Damages In Lieu*)

- 55.9. Ganti rugi am yang akan ditaksir, yang dianggarkan melebihi RM1 bilion seperti yang dinyatakan di [52.3] di atas; dan/atau
- 55.10. Defendan-defendan secara bersama dan/atau berasingan hendaklah membayar kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB sejumlah RM17,435,211.72 sebagai kerugian yang dialami berkaitan dengan Perbelanjaan VM Lab; dan/atau
- 55.11. Defendan-defendan secara bersama dan/atau berasingan hendaklah membayar kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB sejumlah RM2,690,120.67 berkaitan dengan pemberhentian pekerja MKLSB; dan/atau
- 55.12. Kerajaan dan/atau KKM hendaklah bertanggungjawab untuk membayar Fi Interim berjumlah RM4.5 juta kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB dengan serta-merta; dan/atau
- 55.13. Faedah ke atas semua jumlah yang didapati perlu dibayar kepada Hydroshoppe dan/atau MKLSB pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh atau bagi tempoh yang difikirkan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini; dan/atau

N4. Lain-lain

- 55.14. Kos; dan/atau



55.15. Apa-apa relif lain lanjut atau lain yang difikirkan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Bertarikh pada 27 haribulan Mac, 2025



.....
Tetuan Rosli Dahlan Saravana
Partnership
Peguamcara Plaintiff-Plaintif

Pernyataan Tuntutan ini difailkan oleh Tetuan Rosli Dahlan Saravana Partnership, di Level 16, Menara 1 Dutamas, Solaris Dutamas, No.1, Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur, peguamcara bagi Plaintiff-Plaintif yang dinamakan di atas.

Tel: +603 6209 5400

Fax: +603 6209 5411

Email: enquiry@rdslawpartners.com

Ref: RDS/RD/AA/2023/1447



S/N ts1m20Dmk2vEq7oFDe63g

IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR
IN THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR
CIVIL SUIT NO.: _____

BETWEEN

1. **HYDROSHOPPE SDN BHD**
[Registration No.: 200801005176 (806460-W)]
2. **MENARA KUALA LUMPUR SDN BHD**
[Registration No.: 198901011231 (188533-A)]

... PLAINTIFFS

AND

1. **MINISTER, MINISTRY OF COMMUNICATIONS (formerly known as
Ministry of Information Communications & Culture), YB DATUK
AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL**
2. **GOVERNMENT OF MALAYSIA**
